

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 29 JANUARI 2016 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	PM urges three ministries to formulate STEM Action Plan	Bernama.com
2	Najib wants integrated plan on STEM tabled at next NSC meeting	New Straits Times Online
3	Malaysia to boost STI agenda	New Straits Times
4	Cadang Majlis Sains Negara gubal mekanisme	My Metro Online
5	Wujudkan industri baharu Sains dan Teknologi - Najib	BH Online
6	Rangka pelan tindakan STEM bersepadu	Utusan Online
7	Tiga kementerian disaran rangka pelan tindakan STEM – PM Najib	Bernama.com
8	Kenal pasti industri baharu sains	Utusan Malaysia
9	Perkasa agenda STI melalui penggubalan pelan induk	Berita Harian
10	Pelan induk perkasa STI	Harian Metro
11	Geran penyelidikan universiti dikekalkan	Utusan Malaysia

**AKHBAR ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH : 29 JANUARI 2016 (JUMAAT)**



## **PM Urges Three Ministries to Formulate Stem Action Plan**



PUTRAJAYA, Jan 28 (Bernama) - Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak has urged three ministries to formulate an action plan for Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) to help the country achieve developed status.

He said the Ministry of Education, the Ministry of Higher Education and the **Ministry of Science, Technology and Innovation** can mobilise forces to plan and report to the National Science Council.

"STEM is vital to help the country achieve developed status. It is also an important element in Science to Action (S2A). Mastery in STEM can still be enhanced," he said at the first meeting of the National Science Council (NSC) at Bangunan Perdana Putra, here today.

Malaysia's scientific output has also increased by 28 per cent annually, making it among the highest in the world, and this bodes well for the country.

Citing the country's three scientists recognised by Thomson Reuters, he hoped more scientists would conduct research that was recognised internationally.

Najib wanted the research and development (R&D) to be based on the reality in Malaysia and relevant to economic growth and the people's wellbeing.

The ASEAN Economic Community and the Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA) will give access to international markets and enhance economic growth.

Najib suggested that the NSC, via the Malaysian Science Academy and the National Professors Council, create a mechanism to identify opportunities for new industries based on science and technology.

"In addition, this mechanism is expected to enhance human capital with the collaboration of the economists."

He said the use of science, technology and innovation was most important in the prevention of disasters such as flood, earthquake, haze and dengue fever.

"I understand that a study by the Expert Working Group on Disaster Risk Reduction led by the Science Advisor will be presented at the NSC meeting.

"This follows my suggestion to the APEC Chief Science Advisors and Equivalents recently to find a solution to the haze problem," he added.

# NEW STRAITS TIMES ONLINE

## **Najib wants integrated plan on STEM tabled at next NSC meeting**

BY AZURA ABAS AND FAZLEENA AZIZ - 28 JANUARY 2016 @ 6:10 PM

PUTRAJAYA: Prime Minister Datuk Seri Najib Razak wants an integrated action plan on Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) tabled at the next National Science Council (NSC) meeting.

The plan, said Najib, should be formulated by the Education, Higher Education and Science, Technology and Innovation ministries.

Najib, who chaired the first NSC meeting today, said the STEM fields were crucial in the development of the country and needed more improvements.

In his opening remarks, Najib also suggested that the NSC - via the Malaysia Science Academy and National Professors' Council (MPN) - formulate a mechanism that can identify new industry opportunities in the field of science and technology.

This was in line with the Asean Economic Community and Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA), opening its doors to a wider market access that can strengthen the country's economic growth, he added.

"The mechanism will help bolster human capital together with the cooperation of economists," he said.

On the NSC, Najib said the formation would help increase scientific and technology abilities while addressing the immediate needs of the people.

The council is part of a bigger agenda to better manage the country's Science, Technology and Innovation (STI), he said.

"The rationale behind NSC's formation is to ensure the STI agenda can be monitored and managed under a 'mothership' council, and avoid duplication in terms of administration, outlook and priority."

"On a national scale, the council is the focal point for the Global Science and Innovation Advisory Council (GSIAC) that was formed five years ago," he said, adding a symbiosis of both councils would have a greater effect on the STI agenda.

**KERATAN AKHBAR  
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 26  
TARIKH: 29 JANUARI 2016 (JUMAAT)**



Prime Minister **Datuk Seri Najib Razak** attending the National Science Council meeting in Putrajaya yesterday. Pic by Mohd Fadli Hamzah

## Malaysia to boost STI agenda

**PUTRAJAYA:** Malaysia is to formulate a master plan to empower the nation's science, technology and innovation (STI) agenda.

Prime Minister Datuk Seri Najib Razak said, before chairing the first National Science Council (NSC) meeting, he wanted the council to look at ways to raise STI literacy and empowerment.

NSC comprises 29 members, including the deputy prime minister, 11 ministers and representatives from academia, industry as well as experts.

"NSC should ensure a conducive environment to boost the STI agen-

da across all ministries, departments, public and private sectors as well as communities across the country," Najib said yesterday.

Present were Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, **Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Madius Tangau**, Health Minister Datuk Seri Dr S. Subramaniam, International Trade and Industry Minister Datuk Seri Mustapa Mohamed, Energy, Green Technology and Water Minister Datuk Seri Dr Maximus Ongkili and Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

**AKHBAR ONLINE**  
**MY METRO ONLINE (<http://www.hmetro.com.my>)**  
**TARIKH : 29 JANUARI 2016 (JUMAAT)**



## **Cadang Majlis Sains Negara gubal mekanisme**

Putrajaya: Kerajaan mencadangkan kepada Majlis Sains Negara supaya menggubal mekanisme bagi mengenal pasti peluang untuk mewujudkan industri baru berpaksikan Sains dan Teknologi di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata, usaha menggubal mekanisme itu boleh dilakukan menerusi Akademi Sains Malaysia dan Majlis Profesor Negara.

Beliau berkata, kerajaan berharap agar mekanisme itu membantu mengukuhkan modal insan dengan kerjasama ahli-ahli ekonomi.

"Mekanisme itu penting selaras dengan penubuhan Komuniti Ekonomi Asean dan Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) di mana ia menyediakan akses pasaran antarabangsa serta mengukuhkan pertumbuhan ekonomi negara," katanya ketika menyampaikan kata-kata aluan sebelum mempengerusikan mesyuarat Majlis Sains Negara di sini, hari ini.

Katanya, beliau juga menyarankan kepada Kementerian Pelajaran; Kementerian Pendidikan Tinggi dan **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi** supaya dapat menggembeling tenaga merangka pelan tindakan bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) yang bersepada.

- See more at: <http://www.hmetro.com.my/node/110853#sthash.EEZsJzGH.dpuf> -

# BH ONLINE

## Wujudkan industri baharu sains dan teknologi - Najib



NAJIB mempengerusikan Mesyuarat Majlis Sains Negara di Bilik Mesyuarat Perdana, Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, hari ini. - Foto Mohd Fadli Hamzah

PUTRAJAYA: Datuk Seri Najib Razak mencadangkan Majlis Sains Negara (NSC) melalui Akademi Sains Malaysia dan Majlis Profesor Negara menggubal mekanisme bagi mengenalpasti peluang untuk mewujudkan industri baharu berpaksikan sains dan teknologi.

Perdana Menteri berkata, mekanisme berkenaan diharap dapat membantu mengukuhkan modal insan dengan kerjasama ahli-ahli ekonomi yang lebih maju.

"Penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) akan menyediakan akses pasaran antarabangsa dan seterusnya akan mengukuhkan pertumbuhan ekonomi negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada ucapan pembukaan mesyuarat pertama NSC di sini sebentar tadi.

Najib turut menyarankan tiga kementerian menggembungkan tenaga untuk merangka pelan tindakan bidang yang berteraskan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) yang bersepadu.

Beliau berkata, tiga kementerian iaitu Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi diminta mengemukakan laporan pelan tindakan berkenaan pada mesyuarat NSC akan datang.

"Kita juga sedia maklum bidang STEM adalah penting untuk membantu melonjak negara ke tahap negara maju malah kita juga sedar penguasaan dalam bidang ini masih boleh dipertingkatkan lagi," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau difahamkan output saintifik negara sudah meningkat sebanyak 28 peratus setahun, menjadi antara tertinggi di dunia.

"Ini adalah petanda baik kepada negara dan saya harapkan lebih ramai saintis kita menjalankan kajian dan membuat penulisan yang diiktiraf peringkat antarabangsa," katanya.

**AKHBAR ONLINE**  
**UTUSAN ONLINE (<http://www.utusan.com.my>)**  
**TARIKH : 29 JANUARI 2016 (JUMAAT)**



## **Rangka pelan tindakan STEM bersepadu**

PUTRAJAYA 28 Jan. - Datuk Seri Najib Tun Razak menyarankan Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi dan **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi** agar menggembangkan tenaga untuk merangka pelan tindakan dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) yang bersepadu.

Perdana Menteri berkata, ketiga-tiga kementerian itu seterusnya diminta melaporkan perkembangan tentang pelan tersebut ke Mesyuarat Majlis Sains Negara (NSC) akan datang.

“Kita sedia maklum bidang STEM adalah penting untuk membantu melonjak negara ke tahap negara maju. Ini adalah juga unsur yang penting dalam ‘Science to Action’ (S2A).

“Kita juga sedar penguasaan kita dalam bidang ini masih boleh dipertingkatkan lagi,” katanya ketika menyampaikan ucapan alu-aluan sebelum mempengerusikan Mesyuarat NSC di sini hari ini.-UTUSAN ONLINE

- See more at: <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/rangka-pelan-tindakan-stem-bersepadu-1.184444#sthash.MdZ81GHh.dpuf>

**AKHBAR ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH : 29 JANUARI 2016 (JUMAAT)**



## **Tiga Kementerian Disaran Rangka Pelan Tindakan STEM - PM Najib**

PUTRAJAYA, 28 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menyarankan tiga kementerian untuk merangka pelan tindakan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) yang sepadu bagi membantu melonjak negara ke tahap maju.

Beliau berkata Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi dan **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi** dapat menggembung tenaga untuk merangka pelan itu dan melaporkan ke mesyuarat Majlis Sains Negara yang akan datang.

"Kita juga sedia maklum bidang STEM adalah penting untuk membantu melonjak negara ke tahap negara maju. Ini adalah juga unsur yang penting dalam 'Science to Action (S2A) (Sains Untuk Tindakan).

"Kita juga sedar penguasaan kita dalam bidang ini masih boleh dipertingkatkan lagi," katanya pada mesyuarat pertama Majlis Sains Negara di Bangunan Perdana Putra, di sini hari ini.

Najib berkata output saintifik bagi Malaysia telah meningkat sebanyak 28 peratus setahun, antara yang tertinggi di dunia dan merupakan petanda baik kepada negara.

Mengambil contoh tiga orang saintis negara yang mendapat pengiktirafan daripada agensi perkhidmatan penarafan indeks saintifik dunia, Thomson Reuters, Perdana Menteri berharap lebih ramai lagi saintis negara menjalankan kajian dan membuat penulisan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Najib turut meminta agar penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dijalankan sewajarnya dikaitkan balik dengan realiti di Malaysia serta relevan kepada pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Dalam pada itu, katanya, penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN dan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) akan menyediakan akses pasaran antarabangsa dan akan mengukuhkan pertumbuhan ekonomi negara.

Sehubungan dengan itu, Najib mencadangkan agar majlis itu melalui Akademi Sains Malaysia dan Majlis Profesor Negara untuk menggubal mekanisme bagi mengenal pasti peluang pewujudan industri-industri baharu yang berpaksikan Sains dan Teknologi.

"Di samping itu, mekanisme ini diharap dapat membantu mengukuhkan modal insan dengan kerjasama ahli-ahli ekonomi," katanya.

Najib berkata penggunaan Sains, Teknologi dan Inovasi adalah amat penting dalam mencegah bencana seperti banjir besar, gempa bumi, jerebu dan wabak denggi dan menangani masalah secara bijak serta berkesan, katanya.

"Saya difahamkan satu kajian oleh Kumpulan Kerja Teknikal dan Pakar bagi Pengurangan Risiko Bencana yang diterajui oleh Penasihat Sains akan dibentang pada mesyuarat kedua Majlis Sains Negara.

"Ia sejajar dengan saranan saya kepada penasihat sains bagi negara Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) baru-baru ini untuk mencari penyelesaian terhadap masalah jerebu yang melanda rantau ini," katanya.

**KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 04  
TARIKH: 29 JANUARI 2016 (JUMAAT)**

## Kenal pasti industri baharu sains

**PUTRAJAYA 28 Jan.** - Datuk Seri Najib Tun Razak mencadangkan agar Majlis Sains Negara (NSC) melalui Akademi Sains Negara dan Majlis Profesor Negara mengenal pasti peluang kewujudan industri-industri baharu yang berpaksikan sains dan teknologi.

Perdana Menteri berkata, ini selaras dengan penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN dan penyertaan Malaysia dalam Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) yang akan menyediakan akses pasaran antarabangsa dan seterusnya mengukuhkan pertumbuhan ekonomi negara.

"Di samping itu, mekanisme ini diharap dapat membantu mengukuhkan modal insan dengan kerjasama ahli-ahli ekonomi," katanya ketika menyampaikan ucapan alu-aluan sebelum mempengerusikan Mesyuarat NSC yang pertama di sini hari ini.

Dalam masa sama, Najib turut menyarankan Kementerian Pelajaran, Kementerian Pendidikan Tinggi dan **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi** agar menggembungkan tenaga untuk merangka pelan tindakan bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) yang bersepadu.

Beliau berkata, ketiga-tiga kementerian itu seterusnya diminta



**Mekanisme ini diharap dapat membantu mengukuhkan modal insan dengan kerjasama ahli-ahli ekonomi."**

**NAJIB TUN RAZAK**  
**Perdana Menteri**

melaporkan perkembangan tentang pelan tersebut ke Mesyuarat NSC akan datang.

"Kita sedia maklum bidang STEM adalah penting untuk membantu melonjak negara ke tahap negara maju. Ini adalah juga unsur yang penting dalam 'Science to Action' (S2A). Kita juga sedar penguasaan kita dalam bidang ini masih boleh dipertingkatkan lagi," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri juga menyeru sektor swasta terutama ahli dari NSC untuk membantu menjana kekayaan melalui inovasi dalam kalangan industri tempatan.

Jelas beliau, sektor swasta dan syarikat milik kerajaan (GLC) seba-

gai enjin pertumbuhan ekonomi, memainkan peranan penting dalam usaha negara untuk mencipta kekayaan dan menyediakan peluang pekerjaan itu kepada rakyat.

"Saya telah dimaklumkan bahawa *output* saintifik bagi Malaysia telah meningkat sebanyak 28 peratus setahun, antara yang tertinggi di dunia. Ini merupakan petanda baik kepada negara.

"Selain itu, saya juga dimaklumkan baru-baru ini, tiga orang saintis negara telah mendapat pengiktirafan sebagai 'Minda Paling Berpengaruh di Dunia 2015' oleh Thomson Reuters," katanya.

Dalam pada itu, dalam kenyataan yang diedarkan selepas mesyuarat tersebut, Najib berkata, NSC perlu memastikan ekosistem dan persekitaran yang kondusif untuk merancakkan agenda sains, teknologi dan inovasi (STI) negara merentasi semua kementerian, jabatan, sektor awam, sektor swasta serta pelbagai lapisan masyarakat.

Perdana Menteri turut menggesa pendekatan komprehensif diambil bagi meningkatkan bilangan modal insan STEM kerana negara masih belum mencapai sasaran 60 peratus enrolmen pelajar dalam bidang sains.

**KERATAN AKHBAR**  
**BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 15**  
**TARIKH : 29 JANUARI 2016 (JUMAAT)**

## Perkasa agenda STI melalui penggubalan pelan induk

**Putrajaya:** Malaysia membuat anjakan yang signifikan ke arah memperkasa agenda sains, teknologi dan inovasi (STI) melalui penggubalan pelan induk STI negara di bawah seliaan Majlis Sains Negara (NSC).

Pelan induk STI yang bersandarkan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) sedia ada akan memastikan peranan dan input STI diambil kira dalam penggubalan serta pelaksanaan semua dasar lain.

Perkara itu diputuskan dalam mesyuarat pertama NSC yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, semalam.

Proses penggubalan pelan induk STI, antara lain, akan membabitkan kajian semula dan penetapan tumpuan strategik penyelidikan dan pembangunan (R&D) negara, peluasan skop Jabatan Statistik meliputi pengumpulan data STI serta pembangunan pelan hala tuju modal insan STI.

Perdana Menteri berkata, NSC perlu memastikan ekosistem dan persekitaran kondusif untuk merancakkan agenda STI negara yang merentasi semua kementerian dan jabatan, sektor awam, swasta serta pelbagai lapisan masyarakat.

"Penubuhan NSC diharap dapat membantu meningkatkan keupayaan dan perspektif sains serta teknologi untuk memberi respons segera kepada kehendak dan tuntutan rakyat," katanya dalam ucapan pembukaan mesyuarat pertama NSC di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau; Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Subramaniam serta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed.

### Ambil pendekatan komprehensif

Perdana Menteri turut menggesa pendekatan komprehensif diambil bagi meningkatkan bilangan bakat bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

"Kita juga sedia maklum bidang STEM adalah penting untuk membantu melonjak negara ke tahap negara maju, malah kita juga sedar penguasaan dalam bidang ini masih boleh dipertingkatkan."

"Saya ingin menyarankan Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi supaya dapat menggembung tenaga untuk merangka pelan tindakan STEM yang bersepudu dan melaporkan dalam mesyuarat NSC akan datang," katanya.

Selain itu, Najib turut mencadangkan NSC melalui Akademi Sains Malaysia dan Majlis Profesor Negara menggubal mekanisme bagi mengenal pasti peluang mewujudkan industri baharu berpaksikan sains serta teknologi.

"Penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) akan menyediakan akses pasaran antarabangsa, seterusnya mengukuhkan pertumbuhan ekonomi negara," katanya.

**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 20**  
**TARIKH : 29 JANUARI 2016 (JUMAAT)**

# Pelan induk perkasa STI

■ NSC gubal hala tuju bersandar Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara

Oleh Mohd Husni Mohd Noor  
mhusni@hmetro.com.my

Putrajaya

Majlis Sains Negara (NSC) semalam mengambil pendedaran untuk terus memperkasa agenda sains, teknologi dan inovasi (STI) di dalam negara melalui penggubalan Pelan Induk STI.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata, mesyuarat sama turut membincangkan peranan dan input STI yang boleh diambil kira dalam penggalan dan pelaksanaan Pelan Induk STI, selain menetapkan fokus strategik penyelewitan dan pembangunan (R&D), memperluas skop Jabatan Statistik dan membangunkan Pelan Hala Tuju Modal Insan STI.

Beliau berkata, pelan induk berkenaan akan dibuat bersandarkan kepada Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) sedia ada.

"NSC juga perlu memastikan ekosistem dan persekitaran kondusif untuk merancakkan agenda STI negara dengan merentasi semua kementerian dan jabatan; sektor awam dan swasta serta masyarakat di seluruh



NAJIB memeriksa perbarisan Pasukan Istiadat Kastam di Majlis Sambutan Hari Kastam Sedunia 2016 Ke-34, semalam.

negara," katanya dalam ucapan pembukaan sebelum mempengerusikan mesyuarat kali pertama NSC di sini, semalam.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S Subramaniam, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapha Mohamed dan Menteri

NSC juga perlu memastikan ekosistem dan persekitaran kondusif untuk merancakkan agenda STI negara"

Najib Razak

Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau

Katanya, beliau juga menggesa supaya pendekatan komprehensif diambil bagi meningkatkan bilangan bakat dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) memandangkan Malaysia belum mencapai sasaran 60 peratus enrolmen pelajar dalam bidang sains.

Najib berkata, agenda R&D juga perlu mempunyai fokus dan bidang keutamaan yang

jelas bagi mencapai sasaran pertumbuhan produktiviti buruh pada kadar 3.7 peratus setahun.

Dalam pada itu, Najib juga menyarankan Kementerian Pendidikan; Kementerian Pendidikan Tinggi serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi supaya merangka pelan tindakan STEM yang bersepadu bagi membantu melonjak negara ke tahap maju.

"Saya mahu tiga kementerian itu dapat mengambil tenaga untuk merangka pelan itu sebelum melaporkannya ke mesyuarat NSC yang akan datang.

"Kita juga sedia maklum bidang STEM adalah penting untuk membantu melonjak negara ke tahap negara maju malah, kita juga sedar pernguasaan kita dalam bidang ini masih boleh dipertingkatkan lagi," katanya.

Katanya, beliau juga mahu

R&D yang dijalankan sewajarnya dikaitkan balik dengan realiti di Malaysia serta relevan kepada pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Selain itu, katanya, beliau turut mencadangkan supaya NSS melalui Akademi Sains Malaysia dan Majlis Profesor Negara supaya menggubal mekanisme bagi mengenal pasti peluang untuk mewujudkan industri baharu yang berpaksikan Sains dan Teknologi.

"Mekanisme ini diharap dapat membantu mengukuhkan modal insan dengan kerjasama ahli ekonomi tempatan," katanya.

NSC dianggotai 29 ahli terdiri daripada Timbalan Perdana Menteri, 11 menteri, wakil akademik, industri dan individu dengan kepakaran berkaitan di mana mereka akan bermesyuarat setiap suku tahun.

**KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 05  
TARIKH: 29 JANUARI 2016 (JUMAAT)**

## Geran penyelidikan universiti dikekalkan

**PULAU PINANG 28 Jan.** - Kementerian Pendidikan Tinggi akan memastikan peruntukan dana penyelidikan universiti sebanyak RM470 juta dikekalkan biarpun peruntukan kementerian itu dikurangkan dalam pengubahaan Bajet 2016.

Ketua Pengarah Pengajian Tinggi, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail berkata, keutamaan kementerian terhadap universiti tempatan khususnya universiti penyelidikan adalah memastikan bidang penyelidikan dapat terus diperkasakan.

Katanya, adalah tidak mencapai piawaian universiti seandainya universiti-universiti tempatan tidak mampu untuk terus menjalankan penyelidikan yang menjadi keutamaan dalam penubuhan sesebuah universiti.

"Kita akan memastikan dana hampir RM500 juta ini dikekalkan sebagai geran penyelidikan dalam membantu universiti untuk meruskan penyelidikan mereka.

"Namun, pihak universiti juga para penyelidik harus lebih terbuka dengan tidak bergantung sepenuhnya kepada geran disediakan kementerian.

"Banyak lagi dana daripada kementerian lain seperti dari **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi** serta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang boleh dimohon oleh para penyelidik dalam membantu menampung keperluan penyelidikan dijalankan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan pembukaan International Biohealth Science Conference 2016 di Sains @ Universiti Sains Malaysia (USM) di Bukit Jambul di sini hari ini.

Tambah Asma, para penyelidik juga diminta supaya tidak bergantung kepada dana-dana kerajaan semata-mata memandangkan lebih banyak dana daripada pihak swasta dan antarabangsa yang boleh dimohon mereka bagi tujuan penyelidikan.

"Mengapa tertumpu pada dana kerajaan sahaja sedangkan para penyelidik boleh mendapatkan dana atau geran daripada pihak industri termasuk di peringkat antarabangsa.

"Dana atau geran penyelidikan ini banyak disediakan bukan sahaja daripada kementerian atau kerajaan tetapi juga disediakan oleh pihak swasta dan antarabangsa yang boleh dimohon penyelidik serta pihak universiti," ujarnya.

Malah, beliau juga menasihatkan para penyelidik dan pihak universiti bahawa bidang penyelidikan tidak sepatutnya berhadapan dengan masalah biarpun berdepan dengan pengurangan bajet oleh kerajaan.

"Biarpun kementerian berdepan dengan pengurangan bajet dalam penstrukturkan semula Bajet 2016 bersama dengan kementerian-kementerian lain, geran RM470 juta untuk tujuan penyelidikan tetap akan dikekalkan," katanya.